



PEKELILING NAIB CANSELOR

Bilangan 06 Tahun 2022

PEKELILING APLIKASI PENGESAHAN BIL PENGGUNAAN TELEFON BULANAN SECARA DALAM TALIAN (MyUiTMBill), UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

1.0 TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan bahawa Pejabat Pembangunan Infrastruktur dan Infostruktur (PPII), UiTM Shah Alam telah melaksanakan inisiatif penambahbaikan proses pengesahan bil pengguna telefon secara dalam talian dan membangunkan sistem baharu yang dinamakan sebagai MyUiTMBill. Sistem ini akan menggantikan Sistem Pengesahan Telefon Bil Bulanan terdahulu yang dikenali sebagai myPhonebill.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti (MEU) BIL. 26/2021 pada 11 Ogos 2021 telah bersetuju meluluskan pembatalan Pekeliling Naib Canselor Bilangan 9 Tahun 2012 mengenai Panduan Aplikasi Pengesahan Bil Penggunaan Telefon Bulanan, Universiti Teknologi MARA dan digantikan dengan Pekeliling Aplikasi Pengesahan Bil Penggunaan Telefon Bulanan Secara Dalam Talian yang dikenali sebagai MyUiTMBill, Universiti Teknologi MARA.
- 2.2 Aplikasi MyUiTMBill telah diwujudkan sebagai medium untuk meningkatkan kecekapan pengurusan bil telefon UiTM dan menyokong kearah penjimatan bil utiliti UiTM.

3.0 PELAKSANAAN

- 3.1 Bagi maksud pemakaian Pekeliling ini:
 - 3.1.1 Pihak pengurusan PPII ingin memaklumkan kepada semua pengguna talian telefon di UiTM Shah Alam bahawa Bil Penggunaan Telefon Bulanan perlu dikemaskini secara dalam talian setiap bulan.
 - 3.1.2 Pengguna boleh mencapai Sistem MyUiTMBPhone ini untuk memberikan pengesahan persetujuan terhadap terma dan syarat yang telah ditetapkan dan capaian kepada bil bulanan yang berkaitan melalui pautan berikut :

<https://myuitmphone.uitm.edu.my>
 - 3.1.3 Panduan penggunaan MyUiTMBPhone boleh dicapai pada menu yang disediakan di skrin login sistem pada URL yang dinyatakan.
 - 3.1.4 Kegagalan pemilik talian telefon untuk menerima terma dan syarat dalam tempoh yang ditetapkan akan menyebabkan talian berkenaan diturun taraf atau dihalang daripada membuat panggilan keluar.
 - 3.1.5 Kegagalan pengguna untuk mengemaskini bil bulanan akan menyebabkan pemotongan gaji bulanan secara automatik dilaksanakan untuk setiap panggilan yang telah diklasifikasikan sebagai peribadi oleh pengguna melalui penggunaan kod panggilan 92 semasa membuat panggilan keluar.
 - 3.1.6 Disertakan tarikh-tarikh perlaksanaan MyUiTMBPhone sebagaimana **Lampiran 1.** Sila hubungi talian 03-5544 8050 atau email steladmin@uitm.edu.my untuk sebarang bantuan atau pertanyaan lanjut.

4.0 PEMBATALAN


- 4.1 Dengan berkuat kuasa Pekeliling Naib Canselor Bilangan 6 Tahun 2022 :
Pekeliling Aplikasi Pengesahan Bil Penggunaan Telefon Bulanan Secara
Dalam Talian (MyUiTMBPhone), Universiti Teknologi MARA ini, maka
pekeliling berikut adalah terbatal:
- 4.1.1 Pekeliling Naib Canselor Bilangan 09 Tahun 2012 : Pekeliling
Panduan Aplikasi Pengesahan Bil Penggunaan Telefon
Bulanan, Universiti Teknologi MARA.

5.0 TARIKH DIKELUARKAN

Pekeliling ini dikeluarkan pada 1 Mei 2022.

6.0 TARIKH KUATKUASA

Tarikh kuatkuasa di UiTM Shah Alam adalah pada 1 Mei 2022 manakala di kampus cawangan tarikh berkuat kuasa akan ditentukan kelak secara berfasa.


PROFESOR DATUK TS. DR. HAJAH ROZIAH MOHD JANOR
Naib Canselor

Dikelilingkan Kepada :

*Semua Timbalan Naib Canselor
Semua Penolong Naib Canselor
Semua Rektor-Rektor Kampus Negeri
Semua Dekan-Dekan Fakulti
Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit*

*Bil Fail : 100-PPII (PTA 6/2)
No Siri: 100-UiTM(NC 6/2) 06/2022*